Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001375
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1375

Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG)

(Potential of Social Media Usage on Interpersonal Communication Skill Among Pre-Service Teacher in The Institute of Teacher Education)

Ng Yun Xuan[1*], Faridah Mydin Kutty[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ngxuan0906@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: faridah_mydin@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Faridah Mydin Kutty
(faridah_mydin@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Guru pelatih
Trend penggunaan media sosial
Kemahiran komunikasi interpersonal

KEYWORDS:
Pre-service teacher
Social media usage trend
Interpersonal communication skills

CITATION:
Ng, Y. X. & Faridah Mydin Kutty. (2022). Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001375. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1375

ABSTRAK

Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti trend penggunaan media sosial dan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) serta menentukan hubungan penggunaan media sosial terhadap kemahiran komunikasi interpersonal. Sejumlah 279 orang guru pelatih dari IPG Kampus Ipoh telah terlibat dalam kajian ini melalui teknik persampelan rawak mudah. Soal selidik kajian ini diadaptasikan daripada *Social Networking Sites Usage & Needs Scale* (SNSUN) dan *Interpersonal Communication Competence Scale* (ICCS). Data telah dianalisis secara deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai) dan inferensi (Ujian Korelasi Spearman Rho). Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti guru pelatih IPG mempunyai lebih daripada empat akaun media sosial dan aktif dalam mengakses media sosial. Aplikasi WhatsApp, Instagram dan Facebook merupakan tiga aplikasi media sosial yang sering digunakan oleh guru pelatih IPG. Hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih berada pada tahap yang sederhana tinggi (M=3.56). Analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan antara masa penggunaan media sosial dengan kemahiran komunikasi interpersonal [rs (277)=0.057, p>0.01, N=279]. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masa penggunaan media sosial tidak berperanan dalam mempengaruhi kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih. Justeru, punca-punca lain yang mempengaruhi kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih penting dikenal pasti pada kajian yang selanjutnya agar penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih dapat dipertingkatkan kepada tahap yang optimum.

ABSTRACT

This survey type of quantitative study aims to identify the

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

trends of social media usage and level of interpersonal communication skills among pre-service teachers in the Institute of Teacher Education. This study also aims to determine the relationship between social media usage on interpersonal communication skills. Questionnaire of this study was adapted from the Social Networking Sites Usage & Needs Scale (SNSUN) and Interpersonal Communication Competence Scale (ICCS). A total of 279 pre-service teachers from Institute of Teacher Education Ipoh Campus were involved through simple random sampling techniques. Descriptive (frequency, percentage, mean and standard deviation) and inferential analyses (Spearman's Rank Correlation) were performed after data were collected. Results showed the majority of pre-service teachers have more than four social media accounts and are active in accessing social media. Also, WhatsApp, Instagram and Facebook are among three social media applications that are most often used by pre-service teachers. Besides, results showed that the interpersonal communication skills of pre-service teachers are at a moderately high level (M=3.56). Moreover, correlation analysis demonstrated that there is no relationship between time spent on social media and interpersonal communication skills [rs (277) =0.057, p> 0.01, N=279]. This study indicates that time spent on social media does not play a role in influencing the interpersonal communication skills of pre-service teachers. Thus, other factors that affect the interpersonal communication skills of pre-service teachers are important to be identified in further studies so that the level of interpersonal communication skills of pre-service teachers can be improved to an optimal level.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini adalah mendapati bahawa masa penggunaan media sosial tidak akan mempengaruhi penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal bakal guru. Dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada literatur yang sedia ada tentang potensi penggunaan media sosial terhadap kemahiran komunikasi interpersonal.

1. Pengenalan

Kemahiran interpersonal merupakan kemahiran generik yang perlu dikuasai oleh seseorang individu supaya mampu menyesuaikan diri dengan perubahan, mencapai kehidupan yang bermakna serta lebih produktif pada abad ke-21 ini (Unesco & WARD, 2018). Salah satu aspek yang ditekankan dalam kemahiran interpersonal ialah kemahiran komunikasi interpersonal (Hargie, 2011). Kemahiran komunikasi interpersonal merujuk kepada kemahiran komunikasi yang berlaku antara individu berserta dengan ikatan peribadi dalam kalangan individu tersebut (Solomon & Theiss, 2013). Komunikasi interpersonal yang efektif adalah salah satu kemahiran penting yang diperlukan oleh pendidik. Seseorang guru perlu berkomunikasi dengan pelbagai pihak terutamanya murid, penjaga, rakan sejawat serta pihak pentadbir supaya dapat memudahkan urusan seharian (Zhang, 2018), malah kompetensi guru untuk membina hubungan yang baik dan dipercayai oleh murid merupakan kualiti terpenting bagi seseorang guru yang berkesan (McKnight et al., 2016). Justeru, kemahiran komunikasi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

interpersonal yang lemah bukan sahaja akan merencatkan kualiti penyampaian dan hubungan guru dengan murid, malah persekitaran sosialnya.

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi dalam mengembangkan kemahiran komunikasi interpersonal seseorang individu. Perkembangan dalam ICT pada masa kini adalah salah satu medium komunikasi yang memberikan impak yang signifikan kepada pembangunan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan generasi muda termasuknya guru pelatih yang merupakan antara golongan yang kerap dalam penggunaan media sosial (Syed Ismail et al., 2020). Penggunaan media sosial memberi kesan positif dalam penguasaan komunikasi interpersonal seperti penguasaan kemahiran pendedahan diri (Desjarlais & Joseph, 2017), kecerdasan emosi (Loreto, 2019a) serta kemahiran penyahkodan isyarat bukan lisan (Ruben et al., 2021). Di samping itu, penggunaan laman rangkaian sosial turut dapat menghasilkan beberapa kebaikan sosial seperti menggalakkan interaksi antara rakan sebaya, mengekalkan hubungan dengan rakan serta menjalin hubungan yang baharu (Syed Ali et al., 2020). Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial juga memberi kesan yang negatif terhadap kemahiran komunikasi interpersonal pelajar universiti seperti mengehadkan peluang berkomunikasi secara bersemuka (Venter, 2017) serta merencatkan penguasaan kemahiran komunikasi lisan dan kemahiran mendengar (Loreto, 2019a).

Menurut Ong et al. (2020) dan Syed Ismail et al. (2018), penguasaan kemahiran komunikasi guru pelatih IPG berada pada tahap sederhana. Sementara itu, guru pelatih IPG didapati merupakan golongan yang kerap dan aktif dalam penggunaan media sosial (Syed Ismail et al., 2020). Oleh yang demikian, trend penggunaan media sosial guru pelatih penting dikenal pasti dalam kajian ini bagi mengetahui sama ada penggunaan media sosial memberi kesan yang positif atau negatif terhadap perkembangan dan penguasaan guru pelatih supaya isu-isu yang menyebabkan kelemahan guru pelatih IPG dalam penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dapat dikenal pastikan.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada:

i. Mengenal pasti trend penggunaan media sosial guru pelatih PISMP IPG.
ii. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih PISMP IPG
iii. Menentukan hubungan masa penggunaan media sosial terhadap kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih PISMP IPG.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Hargie (2017:17) mendefinisikan komunikasi interpersonal sebagai "*a process that is characterized by an ongoing verbal and nonverbal exchange of collaborative meaning*". Kemampuan seseorang untuk berkomunikasi secara interpersonal adalah berbeza-beza (Miller & Steinberg, 1975). Kemahiran komunikasi interpersonal juga didefinisikan sebagai kemampuan seseorang untuk bertutur, mendengar, memahami, berempati, mengekspresikan diri serta mengurus perasaan dengan berkesan (Bienvenu, 1971). Definisi kecekapan interpersonal yang diberikan oleh Goleman (1996) hampir sama dengan Bienvenu (1971) iaitu kecekapan interpersonal merangkumi kemampuan dalam membaca isyarat sosial dan emosi, mendengar, menentang pengaruh negatif, menerima perspektif orang lain dan memahami tingkah laku yang boleh diterima dalam situasi yang tertentu. Rubin dan Martin (1994) pula mendefinisikan kecekapan komunikasi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

interpersonal sebagai kemampuan seseorang untuk mengurus hubungan interpersonal melalui komunikasi. Menurut Rubin dan Martin (1994), kecekapan komunikasi interpersonal seseorang individu terdiri daripada sepuluh konstruk seperti berikut:

i. Pendedahan kendiri yang merujuk kepada kemampuan untuk mendedahkan keperibadian diri (Rubin & Martin, 1994), idea dan pemikiran (Santos et al., 2019) kepada orang lain melalui komunikasi
ii. Empati bermaksud kemampuan untuk memahami perasaan orang lain (Rubin & Martin, 1994).
iii. Kesantaian sosial bermaksud kekurangan kegelisahan atau kebimbangan dalam interaksi sosial seharian (Rubin & Martin, 1994).
iv. Penegasan merujuk kepada kemampuan menyatakan idea, perasaan dan batasan dengan tepat, pada masa yang sama dapat menghormati hak individu yang lain untuk mengekalkan kesan yang positif dalam penerima serta mempertimbangkan akibat yang akan berlaku (Pfafman, 2017).
v. *Altercentrism* iaitu kemampuan menunjukkan minat kepada orang lain serta membuat persepsi tidak hanya terhadap apa yang dikatakan tetapi juga apa yang tidak dikatakan oleh orang lain (Rubin & Martin, 1994)
vi. Pengurusan interaksi iaitu kemampuan seseorang untuk mengendalikan prosedur perbualan setiap hari (Rubin & Martin, 1994).
vii. Keekspresian merujuk kepada kemampuan untuk berkomunikasi perasaan dan pemikiran secara lisan dan bukan lisan (Rubin & Martin 1994).
viii. Sokongan merupakan kemampuan untuk menunjukkan tingkah laku lisan dan tingkah laku bukan lisan yang bertujuan memberi sokongan kepada orang yang memerlukan bantuan (MacGeorge et al., 2011).
ix. Kedekatan merujuk kepada kemampuan individu untuk menunjukkan mereka mudah didekati serta bersedia untuk berkomunikasi (Rubin & Martin 1994).
x. Pengawalan persekitaran ialah kemampuan untuk menangani pengaturan konflik dan menyelesaikan masalah dalam suasana kerjasama seperti perundingan *win-win* serta kemampuan untuk mendapatkan kepatuhan dari orang lain (Rubin & Martin, 1994).

Berdasarkan kepada definasi tersebut, dapat dirumuskan bahawa komunikasi secara lisan dalam pelbagai mod dan komunikasi bukan lisan merupakan dua elemen yang penting dalam komunikasi interpersonal. Menurut Roziana Febrianita dan Susi Harjati (2019), penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal bagi seseorang pendidik perlu merangkumi aspek komunikasi dan mendengar secara lisan dan bukan lisan, kemahiran pengurusan konflik serta kemahiran kerja berpasukan. Selanjutnya, konstruk kemahiran komunikasi interpersonal yang disenaraikan oleh Rubin dan Martin (1994) akan diberikan fokus dalam konteks kajian ini kerana konstruk kemahiran komunikasi interpersonal Rubin dan Martin (1994) adalah lebih menyeluruh dan memenuhi kemahiran-kemahiran komunikasi interpersonal yang perlu dikuasai sebagai seseorang pendidik.

2.2. Pengaruh Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Laman rangkaian sosial (*Social Networking Sites* (SNSs)) merujuk kepada laman web yang membolehkan individu berhubung serta bersosial dengan orang lain secara dalam talian (Holmgren & Coyne, 2017). Contoh aplikasi laman rangkaian sosial adalah seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya (Holmgren & Coyne, 2017). Hubungan antara media sosial dan kemahiran komunikasi telah mendapat perhatian dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kalangan pengkaji. Penggunaan media sosial didapati akan memberi kesan yang positif kepada penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian kuantitatif oleh Suraya et al. (2021) yang mendapati bahawa fungsi menghantar dan memainkan rakaman audio melalui aplikasi WhatsApp dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar universiti, malahan aplikasi WhatsApp turut berperanan sebagai alat kolaborasi dalam pendidikan yang dapat menyumbangkan kepada perkembangan kemahiran berkomunikasi pelajar. Desjarlais dan Joseph (2017) pula mendapati bahawa penggunaan teknologi interaktif sosial (SITs) seperti SNSs dapat membantu golongan muda untuk melakukan pendedahan kendiri semasa interaksi bersemuka di mana SITs dapat memberi persekitaran yang selesa kepada pengguna untuk berkongsi maklumat peribadi. Perkara ini dikatakan demikian kerana SITs dapat memberi masa kepada pengguna untuk mempertimbangkan mesej dan respons yang diterima tanpa perlu memberikan respons yang segera (Desjarlais & Joseph, 2017). Dengan ini, golongan muda berpeluang untuk mempraktik kemahiran pendedahan kendiri secara dalam talian dan seterusnya mempertingkatkan kemahiran pendedahan kendiri semasa interaksi bersemuka.

Seterusnya, kajian empirikal Ruben et al. (2021) terhadap individu yang berumur 18 hingga 29 tahun menunjukkan bahawa penggunaan teknologi secara pasif seperti menilai nada suara dan mimik muka yang ditunjukkan dalam gambar, status dan video yang dikongsikan oleh rakan dalam laman rangkaian sosial dapat meningkatkan kemahiran penyahkodan isyarat bukan lisan yang dapat membantu pelajar untuk memahami tingkah laku bukan lisan semasa interaksi bersemuka. Di samping itu, pendedahan terhadap video dan cerita motivasi yang dikongsi dalam media sosial dapat memberi kesan yang positif terhadap kecerdasan emosi terutamanya keyakinan diri pelajar kolej untuk berkomunikasi (Loreto, 2019a). Berdasarkan perbincangan dapatan kajian tersebut, boleh dirumuskan bahawa penggunaan media sosial bukan sahaja mampu memudahkan komunikasi, malah fungsi-fungsi yang terkandung dalam aplikasi media sosial seperti fungsi rakaman serta tayangan suara dan video berupaya memberi kesan yang positif terhadap perkembangan dan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih.

Sementara itu, penggunaan media sosial didapati akan memberikan pelbagai kesan negatif terhadap penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal. Isu ini berlaku demikian kerana penggunaan media sosial akan menyebabkan golongan muda untuk mengelakkan diri dalam komunikasi bersemuka. Pernyataan ini disokong oleh kajian Jimenez dan Morrele (2015) terhadap pelajar kolej yang mendapati bahawa emosi sampel kajiannya adalah terikat dengan media sosial. Akibat terikat dengan media sosial, sampel kajiannya lebih suka interaksi yang cepat serta "*straight to the point*" dengan kontak "*in person*" yang minimum (Jimenez & Morrele, 2015). Dapatan Jimenez dan Morrele (2015) disokong oleh dapatan Venter (2017) yang mendapati bahawa generasi Y pada masa kini lebih selesa untuk berinteraksi melalui teknologi interaktif digital berbanding dengan interaksi bersemuka. Hasil kajian Loreto (2019a) menunjukkan bahawa masalah kebergantungan teknologi serta kekerapan penggunaan fungsi "pintas" semasa menulis dan bertutur dalam media sosial akan memberi kesan yang negatif terhadap kemahiran mendengar pelajar kolej. Bukan itu sahaja, individu yang menghabiskan masa dalam *creating* dan *posting* kandungan platform media sosial dan bukannya berinteraksi dengan individu lain dalam media sosial akan memberi impak negatif terhadap pemahaman tingkah laku bukan lisan individu lain semasa interaksi bersemuka (Ruben et al., 2021).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sementelahan, hasil kajian Rhodes et al. (2015) menunjukkan bahawa semakin banyak pelajar kolej menggunakan Facebook, semakin lemah kemahiran komunikasi terutamanya aspek kemahiran untuk menolak serta kemahiran penyelesaian konflik. Perkara ini berlaku demikian kerana komunikasi secara maya adalah berlainan dengan komunikasi dalam dunia realiti di mana seseorang perlu memberikan respons yang segera apabila berkomunikasi dalam dunia realiti, manakala seseorang boleh terus mengabaikan permintaan atau "*unfriend*"seseorang apabila berlaku konflik dalam dunia maya (Rhodes et al., 2015). Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa isu-isu dalam penggunaan media sosial seperti masalah kebergantungan terhadap media sosial, masalah kerap menggunakan fungsi "pintas" semasa penggunaan media sosial serta perbezaan sifat komunikasi melalui media sosial dengan interaksi bersemuka berisiko memberi pelbagai kesan yang negatif terhadap perkembangan dan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih.

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa penggunaan media sosial berupaya membawa kesan yang positif dan negatif langsung atau tidak langsung kepada perkembangan dan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal sama ada dalam kemahiran lisan atau bukan lisan dalam kalangan golongan muda termasuknya guru pelatih. Perkara ini dikatakan demikian kerana penggunaan media sosial mendapat sambutan hangat dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Tinggi. Pernyataan ini disokong oleh hasil kajian Rahilah et al. (2018) yang mendapati bahawa majoriti pelajar universiti mempunyai tiga atau lebih daripada tiga akaun media sosial. Hasil kajian Siddhartha et al. (2020) turut menunjukkan majoriti pelajar universiti akan membuka media sosial lebih daripada 10 kali dalam sehari. Majoriti pelajar universiti juga didapati akan menggunakan lebih daripada tiga jam dalam media sosial sehari (Wan Roslina et al., 2017; Rahilah et al., 2018; Siddhartha et al., 2020; Syed Ismail et al., 2020) di mana Facebook, Youtube dan WhatsApp merupakan aplikasi media sosial yang popular dalam kalangan pelajar universiti (Wan Roslina et al., 2017; Sedigheh Moghavvemi et al., 2017).

Sehubungan dengan itu, pengaruh media sosial terhadap penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih penting diketahui di mana kemahiran komunikasi interpersonal dapat memberi pelbagai kesan terhadap kehidupan dan proses pembelajaran guru pelatih pada masa kini serta alam pekerjaan pada masa yang akan datang. Pernyataan ini disokong oleh Devito (2016) yang menjelaskan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dapat memberi kesan yang baik terhadap hubungan interpersonal dengan individu di sekeliling. Sementara itu, hubungan interpersonal yang positif dapat mengurangkan stres, memudahkan proses memberi arahan, memberi sokongan emosi serta merupakan asas untuk perkembangan sosial dan emosi seseorang individu (Martin, 2014). Perkara yang paling penting ialah kecekapan komunikasi interpersonal seseorang guru pelatih dapat meningkatkan kemampuan mereka dalam menyampaikan maklumat serta menafsirkan isyarat bukan lisan yang menunjukkan pendapat dan pemahaman murid supaya memudahkan proses pembelajaran yang melibatkan perbezaan individu (Shun et al., 2018). Justeru, kemahiran komunikasi interpersonal merupakan kemahiran yang penting dikuasai oleh seseorang guru pelatih kerana kemahiran komunikasi interpersonal bukan sahaja akan memberi kesan kepada prestasi kerja seseorang guru (Sutrisman & Muhammad, 2020), malah berupaya mempengaruhi motivasi dan sikap pembelajaran murid (Nor Atikah, 2018). Dengan menguasai kemahiran komunikasi interpersonal, nescaya kualiti penyampaian serta profesionalisme guru pelatih dapat dioptimumkan dan seterusnya memberi kesan baik terhadap keberhasilan murid. Oleh yang demikian, hubungan penggunaan media sosial terhadap kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penting dikenalpastikan dalam kajian ini supaya isu-isu yang menjejaskan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dapat diketahui agar kualiti guru serta bakal pemimpin negara ini dapat dijaminkan.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk, Populasi dan Persampelan Kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpulkan data melalui soal selidik. Sejumlah 279 guru pelatih IPG Kampus Ipoh yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) telah dipilih sebagai sampel kajian melalui teknik persampelan rawak mudah. Saiz sampel kajian ini adalah berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Tujuan kaedah persampelan rawak mudah diaplikasikan dalam kajian adalah untuk memilih individu yang menjadi sampel bagi mewakili sesebuah populasi di mana sebarang bias dalam populasi dapat diagih secara sama rata (Creswell, 2012).

3.2. Instrumen Kajian

Soal selidik kajian ini terdiri daripada tiga bahagian dan mengandungi 37 item seperti yang disenaraikan berikut:

i. Bahagian A mengandungi empat item yang meninjau demografi responden.
ii. Bahagian B mengandungi empat item yang diadaptasikan daripada *Social Networking Sites Usage & Needs Scale* (SNSUN) Iffat Alia, Mahmoud Danaee dan Amira (2019) untuk meninjau trend penggunaan media sosial responden kajian.
iii. Bahagian C mengandungi 29 item yang diadaptasi daripada *Interpersonal Communication Competence Scale* (ICCS) Rubin dan Martin (1994) untuk meninjau tahap kemahiran komunikasi interpersonal responden kajian.

Dari aspek kebolehpercayaan instrumen, hasil analisis nilai alfa Cronbach menunjukkan bahawa item ICCS yang mengukur kemahiran komunikasi interpersonal (α=0.881) mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik berdasarkan interpretasi *rules of thumb* George dan Mallery (2019). Instrumen kajian ini disediakan dalam bentuk Google Form dan diagihkan secara dalam talian.

3.3. Analisis Data

Analisis data deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai) serta inferensi (ujian korelasi) dijalankan melalui perisian *Statistical Package for the Social Science* versi 26 (SPSS) untuk menyusun dan menganalisis data-data yang diperoleh daripada soal selidik. Interpretasi skor min pemboleh ubah kemahiran komunikasi interpersonal akan berdasarkan kepada interpretasi skor min yang diberikan oleh Nunnally dan Berstein (1994) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

Sumber: Nunnally dan Berstein (1994)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Interpretasi hubungan korelasi dalam kajian ini adalah berdasarkan interpretasi yang diberikan oleh Dancey dan Reidy (2004) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Pekali Korelasi

Nilai r	Interpretasi Hubungan
±1.00	Sempurna
±0.70 hingga ±0.99	Kuat
±0.40 hingga ±0.69	Sederhana
±0.10 hingga ±0.39	Lemah
0.00	Tiada

Sumber: Dancey dan Reidy (2004)

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada 279 orang guru pelatih PISMP IPG iaitu 48 orang guru pelatih lelaki (17.2%) dan 231 orang guru pelatih perempuan (82.8%) di mana majoriti responden kajian iaitu 77 orang (27.6%) berumur 20 tahun dan minoriti responden kajian iaitu hanya seorang (0.7%) yang berumur 24 tahun. Jadual 3 menunjukkan profil responden.

Jadual 3: Profil Responden

Profil Responden			
Demografi	Deskripsi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	48	17.2
	Perempuan	231	82.8
Umur	19	74	26.5
	20	77	27.6
	21	54	19.4
	22	47	16.9
	23	26	9.3
	24	1	0.4
Bangsa	Melayu	117	41.9
	Cina	149	53.4
	India	12	4.3
	Lain-lain	1	0.7
Tahun Ambilan Pengajian PISMP	2018	70	25.1
	2019	46	16.5
	2020	71	25.5
	2021	92	33.0

4.2. Trend Penggunaan Media Sosial

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden kajian merupakan pengguna media sosial yang aktif di mana majoriti guru pelatih IPG mempunyai lebih daripada empat akaun media sosial (33.0%), mengakses media sosial lebih daripada lapan kali setiap hari (51.3%), meluangkan sekurang-kurangnya tiga jam dalam media sosial setiap hari (40.1%). Kajian ini turut mendapati bahawa WhatsApp (95.7%), Instagram (90.3%) dan Facebook (70.6%) merupakan antara tiga aplikasi media sosial

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang kerap digunakan oleh guru pelatih IPG. Jadual 4 menunjukkan trend penggunaan media sosial responden kajian.

Jadual 4: Trend Penggunaan Media Sosial

Trend Penggunaan Media Sosial	Kekerapan	Peratus (%)
(i) Bilangan akaun media sosial		
Satu	15	5.4
Dua	38	13.6
Tiga	72	25.8
Empat	62	22.2
Lebih daripada empat	92	33.0
Jumlah	279	100.0
(ii) Kekerapan mengakses media sosial setiap hari		
1-2 kali setiap hari	5	1.8
3-4 kali setiap hari	39	14.0
5-6 kali setiap hari	63	22.6
7-8 kali setiap hari	29	10.4
Lebih daripada 8 kali setiap hari	143	51.3
Jumlah	279	100.0
(iii) Jangka masa yang diluangkan di media sosial setiap hari		
Kurang daripada 1 jam	9	3.2
1-2 jam	47	16.8
3-4 jam	112	40.1
5-6 jam	31	11.1
Lebih daripada 6 jam	80	28.7
Jumlah	279	100.0
(iv) Jenis Rangkaian Media Sosial yang digunakan (Boleh pilih lebih daripada satu)		
WhatsApp	267	95.7
Instagram	252	90.3
Facebook	197	70.6
Tik Tok	120	40.0
WeChat	80	28.7
Lain-lain	78	28.0
Twitter	77	27.6

4.3. Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Secara keseluruhannya, skor min kemahiran komunikasi interpersonal responden kajian berada pada tahap sederhana tinggi (*M*=3.56, *SP*=0.403) berdasarkan interpretasi skor min Nunnally dan Berstein (1994). Jadual 5 menunjukkan skor min keseluruhan kemahiran komunikasi interpersonal responden kajian.

Jadual 5: Skor Min Keseluruhan Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Item	Bilangan Item	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SP*)
Kemahiran komunikasi interpersonal	29	3.56	0.403

Dari segi skor min konstruk skor min kemahiran komunikasi interpersonal, sepuluh-puluh konstruk yang terkandung dalam kemahiran komunikasi interpersonal responden kajian adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Konstruk kedekatan (*M*=3.89, *SP*=0.619) merupakan konstruk yang mempunyai skor min yang paling tinggi, manakala konstruk keekspresian (*M*=3.29, *SP*=0.650) merupakan konstruk kemahiran komunikasi interpersonal yang paling lemah dikuasai oleh responden kajian. Jadual 6 menunjukkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

interpretasi tahap penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal responden kajian berdasarkan konstruk.

Jadual 6: Interpretasi Tahap Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Berdasarkan Konstruk

Konstruk	Bilangan Item	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SP*)	Interpretasi Min
Pendedahan Kendiri	3	3.41	0.773	Sederhana Tinggi
Empati	3	3.54	0.566	Sederhana Tinggi
Kesantaian Sosial	3	3.51	0.665	Sederhana Tinggi
Penegasan	3	3.40	0.581	Sederhana Tinggi
Altercentrism	2	3.43	0.621	Sederhana Tinggi
Pengurusan Interaksi	3	3.62	0.659	Sederhana Tinggi
Keekspresian	3	3.29	0.650	Sederhana Tinggi
Sokongan	3	3.71	0.600	Sederhana Tinggi
Kedekatan	3	3.89	0.619	Sederhana Tinggi
Pengawalan Persekitaran	3	3.73	0.660	Sederhana Tinggi

4.4. Masa Penggunaan Media Sosial dan Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Dapatan ujian korelasi Spearman Rho menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara skor min jangka masa yang diluangkan di media sosial setiap hari dengan skor min kemahiran komunikasi interpersonal. [r_s (277) =0.057, p>0.01, N=279]. Interpretasi hubungan Pekali Korelasi Spearman adalah berdasarkan Dancey dan Reidy (2004). Jadual 7 menunjukkan hasil ujian korelasi Spearman Rho untuk kajian ini.

Jadual 7: Ujian Korelasi Spearman Rho

Pemboleh ubah	Kemahiran Komunikasi interpersonal	
	Korelasi (rs)	Sig. (p)
Jangka masa yang diluangkan di media sosial	0.057	0.34

Nota:p=0.01

5. Perbincangan Kajian

5.1. Trend penggunaan media sosial guru pelatih PISMP IPG.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti guru pelatih IPG kerap dalam penggunaan media sosial. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Rahilah et al. (2018) yang mendapati bahawa majoriti pelajar universiti mempunyai tiga atau tiga ke atas akaun media sosial. Seterusnya, dari segi kekerapan dan masa mengakses media sosial pada setiap hari, majoriti guru pelatih IPG didapati mengakses media sosial lebih daripada 8 kali serta tiga dan lebih daripada tiga jam pada setiap hari. Hasil kajian ini turut selaras dengan kajian Siddhartha et al. (2020) yang mendapati bahawa majoriti pelajar universiti akan membuka media sosial lebih daripada 10 kali dalam sehari, malahan dapatan kajian ini selaras dengan kebanyakan kajian yang mendapati majoriti pelajar universiti akan menggunakan lebih daripada tiga jam dalam media sosial (Rahilah et al., 2018; Siddhartha et al., 2020; Syed Ismail et al., 2020). Dari segi rangkaian media sosial yang digunakan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa WhatsApp, Instagram dan Facebook merupakan antara tiga aplikasi media sosial yang kerap digunakan oleh guru

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelatih IPG. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Syed Ismail et al. (2020) dalam kalangan guru pelatih IPG yang turut mendapati WhatsApp dan Instagram merupakan media sosial yang paling kerap digunakan.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, boleh dirumuskan bahawa trend penggunaan media sosial dalam kalangan responden kajian ini adalah satu trend yang positif. Pernyataan ini dikatakan demikian kerana lazimnya guru pelatih menggunakan aplikasi media sosial seperti WhatsApp bagi tujuan pembelajaran. Pernyataan ini disokong oleh Suraya et al. (2021) serta Rosilah et al. (2018) yang mendapati aplikasi WhatsApp lebih cenderung digunakan oleh pelajar universiti bagi tujuan pembelajaran terutamanya membuat perbincangan kumpulan. Pernyataan ini turut disokong oleh hasil kajian Syed Ismail et al. (2020) bahawa tujuan utama guru pelatih IPG dalam mengakses media sosial adalah untuk mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini serta membuat perbincangan topik pelajaran dengan rakan sebaya. Oleh yang demikian, dapatan trend penggunaan media sosial dalam kalangan guru pelatih IPG merupakan satu hasil yang amat menggalakkan.

5.2. Tahap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih PISMP IPG

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih IPG berdasarkan kepada 10 konstruk kemahiran komunikasi interpersonal yang disarankan oleh Rubin dan Martin (1994) adalah memuaskan di mana tahap kemahiran komunikasi interpersonal secara keseluruhan guru pelatih berada pada tahap sederhana tinggi. Namun begitu, penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih IPG masih perlu dipertingkatkan ke tahap yang tinggi. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Ong et al. (2020) dan Syed Ismail et al. (2018) yang mendapati penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan guru pelatih IPG masih tidak mencapai tahap yang tinggi.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, sepuluh-puluh konstruk kemahiran komunikasi interpersonal berada pada tahap sederhana tinggi di mana konstruk kedekatan merupakan kemahiran komunikasi interpersonal yang paling dikuasai oleh guru pelatih, manakala konstruk keekspresian merupakan kemahiran komunikasi interpersonal yang paling tidak dikuasai oleh guru pelatih. Menurut Rubin dan Martin (1994), kemahiran kedekatan dalam komunikasi interpersonal merupakan kemampuan seseorang untuk menunjukkan bahawa dia mudah didekati dan bersedia untuk berkomunikasi. Kemahiran kedekatan ini penting dikuasai oleh seseorang pendidik. Perkara ini dikatakan demikian kerana seseorang guru yang mahir untuk menunjukkan tingkah laku kedekatan dengan pelajar seperti selalu bersenyum, mesra, humor serta sudi untuk berkomunikasi dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan selesa kepada pelajar (Sözer, 2019). Dengan ini, motivasi pembelajaran pelajar dapat dipertingkatkan dan seterusnya memberi kesan baik terhadap pencapaian pelajar (Liu, 2021). Lantaran itu, kemahiran kedekatan merupakan kemahiran komunikasi interpersonal yang perlu diberikan perhatian oleh bakal-bakal guru agar dapat memberi pelbagai kesan baik terhadap proses pengajaran dan pembelajarannya. Oleh yang demikian, penguasaan guru pelatih dalam kemahiran kedekatan merupakan satu hasil kajian yang amat positif.

Sementelahan, kelemahan guru pelatih IPG dalam kemahiran keekspresian iaitu kemampuan berkomunikasi perasaan dan pemikiran secara lisan dan bukan lisan (Rubin & Martin, 1994) merupakan perkara yang agak membimbangkan. Perkara ini

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dikatakan demikian kemampuan guru dalam keekspresian emosi guru bukan sahaja akan menjejaskan kesejahteraan emosinya (Phebe & Kadaba, 2019), malah akan memberi kesan terhadap interaksinya dengan pelajar (Choi, 2020). Kelemahan guru pelatih IPG dalam keekspresian boleh berkait dengan tanggapan yang salah masyarakat Malaysia dalam mengekspresikan emosi di mana hasil kajian Götz dan Schwarz (2014) mendapati bahawa kanak-kanak di Malaysia beranggapan bahawa emosi yang bermasalah seperti kemarahan dan kesedihan adalah tidak dipersetujui oleh ibu bapa dan berandaian bahawa hanya muka gembira yang ditunjukkan boleh diterima secara sosial. Andaian ini secara langsung akan mempengaruhi kemampuan keekspresian emosi pada masa dewasa. Penyataan ini turut disokong oleh de Gelder dan Huis (2016) yang mendapati perbezaan budaya akan mempengaruhi keekspresian emosi seseorang individu. Bukan itu sahaja, kemampuan untuk mengekspresikan emosi turut akan dipengaruhi oleh faktor jantina di mana wanita mempunyai keekpresian emosi yang lebih kuat sama ada dalam emosi positif atau negatif (Chaplin, 2015). Sehubungan dengan itu, punca kelemahan guru pelatih IPG dalam konstruk keekspresian semasa berkomunikasi perlu dikenal pasti pada kajian yang selanjutnya agar kelemahan guru pelatih IPG dalam penguasaan kemahiran keekspresian dapat dikenal pasti dengan lebih jelas dan mendalam.

5.3. Masa Penggunaan Media Sosial dan Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Dapatan kajian ini mendapati tidak wujudnya hubungan yang signifikan antara masa penggunaan media sosial dan kemahiran komunikasi interpersonal. Perkara ini bermaksud tiada pengaruh masa penggunaan media sosial terhadap perkembangan dan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih IPG. Hasil kajian ini selaras dengan Loreto (2019b) yang mendapati bahawa tidak wujudnya hubungan antara pendedahan media sosial dengan kemahiran komunikasi interpersonal. Namun begitu, dapatan kajian ini bercanggah dengan Arifa Bibi et al. (2017) yang mendapati bahawa alam siber akan memberi kesan negatif terhadap interaksi bersemuka golongan belia.

Ketidakwujudan hubungan antara masa penggunaan media sosial dengan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih berkait dengan perbezaan sifat komunikasi interpersonal yang berlaku melalui media sosial dan secara bersemuka. Pernyataan ini disokong oleh Thomas (2018) yang menyatakan bahawa berinteraksi melalui media sosial adalah berbeza dengan komunikasi interpersonal di mana komunikasi interpersonal dalam talian adalah seperti komunikasi bukan lisan yang dikaitkan dengan interaksi interpersonal tradisional. Perbezaan ini tentu akan memberi kesan yang berbeza terhadap pengalaman komunikasi interpersonal seseorang individu. Sehubungan dengan itu, perbezaan sifat komunikasi interpersonal dalam talian dan luar talian mungkin merupakan satu daripada faktor ketidakwujudan hubungan antara masa penggunaan media sosial dengan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kajian ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini telah membuktikan bahawa masa penggunaan media sosial tidak akan memberi impak positif dan negatif terhadap penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih. Namun begitu, guru pelatih yang memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan negara ini perlulah menggunakan media sosial secara rasional dan bijak agar penggunaan media sosial dapat menyumbang impak-impak yang positif terhadap perkembangan dan peningkatan profesionalismenya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

6. Kesimpulan

Kajian tinjauan ini telah mengenal pasti trend penggunaan media dan tahap kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih PISMP IPG di samping menentukan hubungan penggunaan media sosial terhadap penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih PISMP IPG. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti guru pelatih IPG merupakan golongan yang kerap dalam menggunakan media sosial. Di samping itu, majoriti guru pelatih IPG didapati mempunyai tahap kemahiran komunikasi interpersonal yang sederhana tinggi. Dapatan yang paling utama bagi kajian ini ialah kajian ini telah membuktikan bahawa masa penggunaan media sosial tidak akan memberi impak positif dan negatif terhadap perkembangan dan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih IPG. Maka, punca-punca lain yang menimbulkan isu penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih IPG penting dikaji dan diperincikan pada kajian yang selanjutnya.

Sementelahan, dapatan kajian ini dapat menyumbangkan informasi berkenaan trend penggunaan media sosial dan kemahiran komunikasi interpersonal kepada pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan terutama guru pelatih IPG. Dapatan kajian ini juga dapat memanfaatkan pengkaji yang selanjutnya yang juga berminat untuk meninjau isu berkaitan kemahiran komunikasi interpersonal seperti pengkaji daripada bidang pengurusan dan perubatan yang amat mementingkan kemahiran komunikasi interpersonal dalam pembangunan profesionalisme staf.

Kajian yang selanjutnya dicadangkan untuk mengenalpastikan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan guru pelatih berdasarkan faktor demografi seperti perbezaan guru pelatih yang pernah menjalani latihan praktikum dengan guru pelatih yang tidak pernah menjalani latihan praktikum. Kajian kualitatif atau kajian gabungan turut boleh dilaksanakan bagi meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih supaya isu penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan guru pelatih dapat diteroka secara mendalam.

Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran warga pendidik terutamanya bakal-bakal guru tentang kepentingan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal agar kualiti generasi Z dan generasi alpha di Malaysia dapat dioptimumkan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada pensyarah penyelia iaitu Dr. Faridah Mydin Kutty yang memberi bimbingan, dorongan serta sokongan untuk menyempurnakan kajian ini. Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada semua pihak terutama pihak IPG serta responden kajian yang membantu untuk menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Arifa Bibi, Sonia Bukhari, Abdul Sami, Asmara Irfan & Hira Liaquat. (2018). Effect of Latest Technology and Social Media on Interpersonal Communication on Youth of Balochistan. *Future of Marketing and Management*. https://www.qurtuba.edu.pk/jms/default_files/JMS/special_edition/3%20FMM/27%20(AIC-FMM%202017)%20475-490%20Arifa%20Bibi%20FMM-928.pdf

Bienvenu, M. J. (1971). An interpersonal communication inventory. *Journal of Communication*, *21*(4), 381–388.https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1971.tb02937

Chaplin, T. M. (2015). Gender and Emotion Expression: A Developmental Contextual Perspective. *Emot Rev, 7*(1), 14–21. https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4469291/

Choi, S. (2020). The Influence of the Early Childhood Teacher's Emotional Expressiveness and Play Teaching Efficacy on the Children-Teacher Interaction. *Journal of the Korea Academia-Industrial cooperation Society, 21*(11), 577-585. https://doi.org/10.5762/KAIS.2020.21.11.577

Creswell, J. (2012). *Educational research : planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research-4th ed.* United State: Pearson Education.

Dancey, C & Reidy, J. (2004). *Statistics without Maths for Psychology: using SPSS for Windows*. Prentice Hall: London.

de Gelder, B., & Huis in 't Veld, E. (2016). Cultural differences in emotional expressions and body language. Dlm. J. Y. Chiao, S.-C. Li, R. Seligman, & R. Turner (pnyt.), *The Oxford handbook of cultural neuroscience* (hlm. 223–234). Oxford University Press.

Desjarlais, M & Joseph, J. J. (2017). Socially Interactive and Passive Technologies Enhance Friendship Quality: An Investigation of the Mediating Roles of Online and Offline Self-Disclosure. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking, 20*(5), 286-291. https://www.liebertpub.com/doi/10.1089/cyber.2016.0363

Devito, J.A. (2016). The Interpersonal Communication Book 14th Edition. Global Edition. United State of America: Pearson Education Limited.

George, D., & Mallery, P. (2019). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference. 11.0 update* (Ed.15.). Taylor & Francis. New York.

Goleman, D. (1996). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More then IQ*. Bloomsbury. https://www.academia.edu/37329006/Emotional_Intelligence_Why_it_Can_Matter_More_Than_IQ_by_Daniel_Goleman

Götz, M & Schwarz. J. (2014). Having and showing emotions: An international study on children's and adolescents' emotions and their expression. *TELEVIZION*. https://www.br-online.de/jugend/izi/english/publication/televizion/27_2014_E/Goetz_Schwarz.pdf

Hargie, O. (2017). *Skilled Interpersonal Communication: Research, Theory and Practice 6th*.. Routledge.

Holmgren, H. G., & Coyne, S. M. (2017). Can't stop scrolling!: pathological use of social networking sites in emerging adulthood. *Addiction Research & Theory, 25*(5), 375–382. https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/16066359.2017.1294164

Iffat Ali, Mahmoud Danaee & Amira Firdaus. (2019). Social Networking Sites Usage & Needs Scale (SNSUN): A New Instrument For Measuring Social Networking Sites' Usage Patterns And Needs. *Journal of Information and Telecommunication,4* (2): 151-174. https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/24751839.2019.1675461

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jimenez, Y., & Morreale, P. (2015). Social media use and impact on interpersonal communication. *Communications in Computer and Information Science*, *529*, 91–96. https://doi.org/10.1007/978-3-319-21383-5_15

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement, 30*(3), 607–610 https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/001316447003000308

Liu, W. (2021). Does Teacher Immediacy Affect Students? A Systematic Review of the Association Between Teacher Verbal and Non-verbal. *Frontiers in Psychology, 12*, 2475. https://www.frontiersin.org/article/10.3389/fpsyg.2021.713978

Loreto, M. Myla. (2019a). Teaching Interpersonal Communication to Digital Natives. RSU *International Research Conference*, 1250-1258. https://rsucon.rsu.ac.th/proceedings

Loreto, M. Myla. (2019b). *The Influence of Social Media Exposure on the Interpersonal Communication Skills of Hospitality Students*. Manuscript submitted for publication. http://www.human.ru.ac.th/grad/images/pdf/256201/0001.pdf

MacGeorge, E.L, Feng, B. & Burleson, B.R. (2011). Supportive communication. Dlm. Mark L. Knapp & John A. Daly (pnyt.), *Handbook of Interpersonal Communication*, Edisi Keempat (hlm. 374–424). Thousand Oaks, CA: Sage.

Martin, A. (2014). Interpersonal Relationships and Students' Academic and Non-academic Development: What Outcomes Peers, Parents, and Teachers Do and Do Not Impact. Dlm. D. Zandvliet, P. Den Brok, T. Mainhard, & J. Van Tartwijk (pnyt.), *Interpersonal Relationships in Education: From Theory to Practice* (hlm. 9–24). Sense Publishers. https://scholar.harvard.edu/files/marietta/files/king_and_marietta_-_interpersonal_relationships.pdf

McKnight, K., Graybeal, J., Yarbro, J., & Graybeal, L. (2016). *Global survey of educator effectiveness*. https://www.pearson.com/content/dam/corporate/global/pearson-dot-com/files/innovation/global-survey/reports/RINVN9283_GlobalSurvey_092016.pdf

Miller,G.R.& Steinberg, M.(1975). *Between people : a new analysis of interpersonal communication.* Chicago, IL: Science Research Association. https://archive.org/details/betweenpeoplenew0000mill/page/n9/mode/2up

Nor Atikah Rosdi. (2018). *Kemahiran Interpersonal Guru Terhadap Sikap dan Tahap Motivasi dalam Pembelajaran Kimia di Cameron Highland*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fal Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris. https://www.researchgate.net/publication/326468880_KEMAHIRAN_INTERPERSONAL_GURU_TERHADAP_SIKAP_DAN_TAHAP_MOTIVASI_PELAJAR_DALAM_MATA_PELAJARAN_KIMIA_DI_CAMERON_HIGHLANDS.

Nunnally, J. C. & Berstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. Edisi Ketiga: McGraw-Hill: New York.

Ong, Y. M., Low, L. K., Tan, A. L., Oii, S. Y., Lam, S. T., & Kua, B. H. (2020). Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Siswa Guru Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 18*(2), 116–131. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/12246/6006

Pfafman, T. (2017). Assertiveness. Dlm. V. Zeigler-Hill, T.K. Shackelford (pynt.). *Encyclopedia of Personality and Individual Differences* (hlm. 1-7). *Springer International Publishing AG*. https://www.academia.edu/33394610/Assertiveness

Phebe K, S. & Kadaba, S. (2019). The Effect of Ambivalence over Emotional Expression on Expressive Flexibility and Psychological Well-being. *The International Journal of Indian Psychology, 7*(2), 952-970. https://ijip.in/wp-content/uploads/2019/07/18.01.116.20190702-1.pdf

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rahilah Ahmad, Nor Azilili Hassan, Jaslina Mohd Tajuddin, & Yollanda Tan Wimpi. (2018). A study on social media usage among private university students in Klang Valley. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, *5*(2), 257–268. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/vol5bil2/jsass_vol5bil2_020_rahilah.pdf

Rhodes, D. L., Sniatecki, J. L., Rocco, M., & Todd, L. (2015). Interpersonal Skills and Facebook Use among College Students. *Health Educator, 47*(1), 9–15. https://eric.ed.gov/?id=EJ1153575

Rosilah Hassan., Sura Khalil Abd.,Wahiza Wahi & Fatin Hazwani Siran. (2018). The Use of Messaging Applications among University Students: A Case at Universiti Kebangsaan Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology, 7*(3.20), 925-931. https://www.sciencepubco.com/index.php/ijet/article/view/28419.

Roziana Febrianita, S & Susi Hardjati. (2019). The Power of Interpersonal Communication Skill in Enhancing Service Provision. *Journal Of Social Science Research, 14*, 3192–3199. https://doi.org/10.24297/jssr.v14i0.8150

Ruben, M. A., Stosic, M. D., Correale, J., & Hartigan, D.B. (2021). Is Technology Enhancing or Hindering Interpersonal Communication? A Framework and Preliminary Results to Examine the Relationship Between Technology Use and Nonverbal Decoding Skill. *Frontiers in Psychology*, 11, 3800. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.611670

Rubin, R. B., & Martin, M. M. (1994). Development of a Measure of Interpersonal Communication Competence. Communication. *Research Reports, 11*(1), 33–44. https://doi.org/10.1080/08824099409359938

Santos, JLG., Copelli, FHS., Balsanelli, AP., Sarat, CNF., Menegaz, JC., Trotte, LAC., Stipp, MAC., Soder, RM. (2019). Interpersonal communication competence among nursing students. *Rev. Latino-Am, Enfermagem*. http://dx.doi.org/10.1590/1518-8345.3226.3207.

Sedigheh Moghavvemi, Ainin Sulaiman, Noor Ismawati Jaafar & Nafisa Kasem. (2017). Facebook and YouTube addiction: The usage pattern of Malaysian students. *International Conference on Research and Innovation in Information Systems (ICRIIS)*, 1-6. https://ieeexplore.ieee.org/document/8002516

Shun Xu, Harrison H. Yang, Jason MacLeod & Sha Zhu. (2019). Interpersonal communication competence and digital citizenship among pre-service teachers in China's teacher preparation programs, *Journal of Moral Education, 48*(2), 179-198. https://doi.org/10.1080/03057240.2018.1458605

Siddhartha, S., Adil, A. H., Mulla, M., Mulla, M., Sayed, F. R., Singh, K. S., Tripathi, S., Sowmya, R., & Eusufzai, S. Z. (2020). Usage of social media among undergraduate university students. European *Journal of Molecular and Clinical Medicine, 7*(8), 1605-1617. https://ejmcm.com/article_4335_715ec1cf43d58db0b2d879aef88af541.pdf

Solomon, D & Theiss, J. (2013). Interpersonal communication: putting theory into practice. Abingdon: Taylor & Francis. https://www.taylorfrancis.com/books/mono/10.4324/9780203147832/interpersonal-communication-denise-solomon-jennifer-theiss

Sözer, M.H. (2019). Effective Teacher Immediacy Behaviors Based on Students' Perceptions. *Universal Journal of Educational Research*, *7*(2), 387-393. DOI: 10.13189/ujer.2019.070211

Suraya Morsidi., Norazrena Abu Samah., Khairul Anuar Abdul Rahman., Zakiah Mohamad Ashari., Nurul Farhana Jumaat. & Abdul Halim Abdullah. (2021). WhatsApp and Its Potential to Develop Communication Skills among University Students. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, *15*(23), 57–71. https://doi.org/10.3991/ijim.v15i23.27243

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sutrisman Basir & Muhammad Basir. 2020. The influence of interpersonal communication and work culture on teacher performance in Junior High School at Wajo Regency (Indonesia). *Revista Espacious*, *41*(6), 12-17. https://www.revistaespacios.com/a20v41n06/20410612.html

Syed Ali Raza, Wasim Qazi, Bushra Umer, & Komal Akram Khan. (2020). Influence of social networking sites on life satisfaction among university students: a mediating role of social benefit and social overload. *Health Education*, *120*(2), 141–164. https://doi.org/10.1108/HE-07-2019-0034

Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon, Mohd Jim Hamzah, & Edaham Ismail. (2020). Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Siswa Guru Di Institut Pendidikan Guru. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan (Seminar Atas Talian*). https://www.researchgate.net/publication/345849728_PENGGUNAAN_MEDIA_SOSIAL_DALAM_KALANGAN_SISWA GURU_DI_INSTITUT_PENDIDIKAN_GURU

Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, Ahmad Subki Miskon & Endaham Ismail. (2018).Tahap kefahaman serta pencapain kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal penyelidikan Tempawan*, *Jil. XXXV*, 145-153. http://tempawan.ipgkik.edu.my/wp-content/uploads/2019/02/12_2018.pdf

Thomas, D. (2018). Motivational Beliefs, Social Media Addiction,And Interpersonal Communication Skill among International Students in Thailand. *International Forum 21*(2), 153-169. https://journals.aiias.edu/info/article/view/93/83

Unesco & WARD. (2018). *Reviewing Life and Work Skills for Youth in Lebanon* (Issue November). https://en.unesco.org/sites/default/files/reviewing_life_and_work_skills_0.pdf

Venter, E. (2017). Bridging the communication gap between Generation Y and the Baby Boomer generation,International *Journal of Adolescence and Youth, 22*(4), 497-507. https://doi.org/10.1080/02673843.2016.1267022

Wan Roslina Wan Othman, Ziti Fariha Mohd, & Nurul Haslinda Ngah. (2017). Impact of Social Media Usage on Students Academic Performance in Terengganu, Malaysia. *Journal of Applied Environmental,7*(5), 140–144. https://www.researchgate.net/publication/320620315_Impact_of_Social_Media_Usage_on_Students_Academic_Performance_in_Terengganu_Malaysia

Zhang, Li-Na. (2018). Importance of Interpersonal Skills at Work towards Managing People in an Educational Context. *Proceedings of the 2018 5th International Conference on Management Science and Management Innovation* (hlm. 29–34.) https://doi.org/10.2991/msmi-18.2018.6

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).